

KERATAN AKHBAR

NAMA AKHBAR: SINAR HARIAN (NEGERI)

TARIKH: 25 JANUARI 2020

MUKA SURAT: 29

SINAR HARIAN • SABTU 25 JANUARI 2020

Sinar

NEGERI

• SELANGOR/KL

29

Turun RM500,000

Harga ambang jualan hartanah untuk warga asing di Selangor dikurangkan

Oleh NORAFIZA JAAFAR

BATU CAVES

Kerajaan Selangor menetapkan harga ambang pembelian hartanah bagi warga asing dikurangkan kepada RM1.5 juta bagi hartanah jenis strata dan RM2 juta bagi unit rumah bertanah (*landed property*).

Menteri Besar, Datuk Seri Amirudin Shari berkata, pelaksanaan kadar baharu bermula 1 Januari lalu itu menunjukkan penurunan sebanyak RM500,000 daripada kadar sebelumnya.

Menurutnya, penetapan baharu itu disyaratkan kepada lambakan rumah tidak terjual sehingga 2018 dan terhad kepada hartanah berstatus pajakan.

"Selangor sebelum ini antara negeri



Amirudin (tengah) pada sidang akhbar di Pejabat Penghulu Mukim Batu semalam.

yang meletakkan harga yang tinggi namun disebabkan kelembapan industri hartanah dalam negara juga di Selangor, maka kadar itu diturunkan.

"Pelaksanaannya melibatkan unit yang sudah mempunyai sijil perakuan siap dan pematuhan (CCC) sehingga tahun 2018 sahaja di mana langkah ini dijangka mampu memudahkan dan menyelesaikan masalah lambakan rumah yang tidak terjual," katanya pada sidang akhbar di Pejabat Penghulu Mukim Batu di sini semalam.

Amirudin berkata, polisi baharu itu

berlangsung selama setahun dan akan dikaji semula selepas tamat tempoh berkenaan dengan mengambil kira perkembangan pasaran hartanah semasa.

"Kerajaan negeri bukan membuat keputusan ini dalam masa satu hari sebaliknya telah mendapatkan maklum balas daripada pelbagai pihak termasuk Lembaga Perumahan dan Hartanah Selangor yang menganjurkan bengkel.

"Bengkel itu melibatkan pertemuan dengan pelbagai pihak termasuk pemaaju perumahan dan Pusat Maklumat Harta Tanah-Negara (NAPIC)," katanya.

Rangka skim penyelesaian, kata Exco

SHAH ALAM - Satu skim sedang dirangka oleh firma perunding perniagaan, Grant Thornton Consulting Sdn Bhd bagi menyelesaikan tuntutan pembeli yang dilaporkan mengalami kerugian ekoran projek Rumah Selangorku (RSKU) Residensi Jaya, Seri Kembangan dekat sini yang gagal disiapkan.

Exco Perumahan dan Kehidupan Bandar Selangor, Haniza Mohamed Talha berkata, firma perunding itu merupakan syarikat yang bertanggungjawab menguruskan aset pemaju projek RSKU terbabit, iaitu syarikat Jitu Enigma Sdn Bhd selepas mereka membuat deklarasi muflis.

"Satu pertemuan akan diadakan pada 15 Februari ini antara firma perunding perniagaan itu, pembeli projek RSKU Residensi Jaya, pihak bank dan Lembaga Perumahan dan Hartanah Selangor (LPHS) bagi membincangkan skim penyelesaian ini," katanya.

Baru-baru ini, seramai 221 pembeli RSKU Residensi Jaya rugi apabila rumah mereka tidak disiapkan ekoran syarikat pemaju perumahan yang dilantik untuk projek itu membuat deklarasi bankrap. - Bernama